

BH Jumaat, 16 Mei 2025

Sultan Nazrin berkenan 115 guru baca khutbah

Ipoh: Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memperkenankan 115 guru atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di negeri itu membacakan khutbah Jumaat sempena sambutan Hari Guru.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

(MAIPk), Tan Sri Mohd Annuar Zaini, berkata Sultan Nazrin berkenan khutbah bertajuk *Guru Rabbani: Membangun Kemuliaan Insan*.

"Pengarah Jabatan Pendidikan memperakukan nama 115 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Perak untuk diangkat

sembah kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak bagi mendapatkan perkenan baginda," katanya.

Beliau berkata, perkenan Sultan Nazrin itu sebagai mengiktiraf peranan penting guru atau pendidik dan bertepatan dengan sambutan Hari Guru.